

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan penyiasatan terhadap dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan oleh pegawai pegawai SPRM dijalankan berasingan dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan integriti pegawai-pegawai SPRM.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM komited dalam usaha untuk memastikan integriti yang tinggi dalam kalangan warganya. Antara usaha – usaha yang telah dilakukan oleh SPRM ialah seperti berikut:

- 1) Penubuhan Jawatankuasa Aduan (JKA) di bawah Seksyen 15 Akta SPRM 2009 (Akta 694). JKA berperanan untuk mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan menggemukakan syor untuk penambahbaikan.

JKA juga memantau pengendalian oleh Suruhanjaya terhadap aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya;

- 2) Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan untuk menggalakkan akauntabiliti dan memantapkan integriti dalam kalangan warga SPRM ke arah pencapaian prestasi kerja yang cemerlang. Kod Etika dan Tatakelakuan ini menjelaskan norma kelakuan dan panduan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh setiap warga SPRM bagi memastikan segala tindakan adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.
- 3) SPRM juga mengambil tindakan tata tertib terhadap mana-mana warganya yang melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi kes-kes yang tidak bersifat jenayah.

Bagi memelihara integriti warga SPRM, tindakan 'Integriti Testing' seperti ujian air kencing bagi pengesanan penggunaan bahan terlarang sentiasa diadakan secara berkala dan mengejut di semua SPRM Bahagian dan Negeri. Selain daripada itu, pemeriksaan pematuhan terhadap arahan-arahan dalaman SPRM juga diadakan secara berkala bagi memastikan warga SPRM menjalankan tugas mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Laporan tindakan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA)

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, apabila sesuatu Kertas Siasatan (KS) telah lengkap SPRM akan menggemukakan KS kepada Pejabat Peguam Negara untuk penelitian dan keputusan. SPRM tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan sesuatu perbicaraan.

Sekian, terima kasih.